

Pemborong guna alasan bekalan kurang

Harga ayam naik mendadak

Oleh ZULKIFLI SAINUDDIN,
MD. AZRIN ROSLY dan JUANI
MUNIR ABU BAKAR
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 6 JUN

HARI pertama bulan Ramadan menyaksikan kenaikan mendadak harga ayam sehingga hampir RM2 sekilogram di bandar raya ini.

Tinjauan Utusan Malaysia di Pasar Seksyen 6 dekat sini hari ini mendapati, ayam dijual pada harga RM8.50 sekilogram berbanding hanya sekitar RM7 sekilogram sebelum ini.

Perkara ini diakui sendiri oleh peniaga ayam di pasar berkenaan yang mengakui terpaksa menaikkan harga ayam kerana mendapat bekalan pada harga yang tinggi daripada pemborong.

Seorang peniaga, Norliana Mohd. Nor, 40, berkata, pemborong memberi alasan bekalan ayam kini tidak banyak menyebabkan harganya naik.

"Selain bekalan yang tidak banyak, ayam-ayam yang ada juga kebanyakannya bersaiz kecil, tidak seperti sebelum ini dan mungkin disebabkan faktor cuaca yang panas ketika ini.

"Sebelum ini, harga ayam sekilogram hanya sekitar RM7 tetapi hari ini kami terpaksa menjual dengan harga RM8.50 sekilogram kerana mendapat bekalan dengan harga yang tinggi," katanya ketika ditemui di pasar itu hari ini.

Sementara itu, di **KUCHING**, peniaga daging lembu, Sapawi Mahli, 71, memberitahu, biasanya jualan dagingnya cepat habis dalam bulan Ramadan.

"Harga pun stabil, tiada beza kerana ada bekalan. Daging pejal dijual pada harga RM28 dan batang pinang RM30 sahaja," ujarnya.

Dalam pada itu, di **KOTA BHARU**, seorang peniaga, Zohra Kadim Hussin, 45, berkata, harga barangan keperluan pada musim Ramadan kali ini menunjukkan peningkatan yang amat ketara berbanding sebelum ini.



SEORANG peniaga ikan melayani pelanggan ketika tinjauan harga barang sempena bulan Ramadan di Pasar Pudu di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO



NORLIANA



ZOHRA



SURAYA

"Boleh dikatakan majoriti barangan keperluan meningkat sempena Ramadan tahun ini. Walaupun harga naik, kita tetap membelinya kerana ini adalah barangan keperluan harian.

"Sebagai peniaga, kenaikan harga ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kerana pening-

katan kos untuk membeli barangan keperluan untuk berniaga," jelasnya.

Di **PUTRAJAYA**, rata-rata peniaga Pasar Ramadan di sini masih menjual makanan kegembiraan ramai pada harga yang berpatutan.

Menurut peniaga kuih-muih,

Mohd. Amri Basri, dia masih menjual kuih dengan harga 50 sen sebiji dan mengekalkan kandungan yang sama bagi bahan-bahannya.

Katanya, dia tidak berhasrat menaikkan harga kuih-muih itu bagi menjaga pelanggan yang sebelum ini setia dengan jualanannya.

Bagi pegawai perubatan, Dr. Suraya Amir Hussin, 45, harga makanan di Pasar Ramadan Putrajaya masih murah kerana peniaga di kawasan itu dipantau oleh Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan pihak penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

"Saya rasa tiada kenaikan harga makanan untuk tahun ini dan harganya sama seperti pasar malam di sini," katanya.

NGO gesa KPDNKK bertindak segera

KUALA LUMPUR 6 Jun - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menegakkan penguatkuasaan terhadap peniaga supaya kenaikan harga barang sewaktu musim perayaan dapat dikawal.

Presiden Persatuan Perlindungan Pengguna Malaysia (PPPM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, KPDNKK seharusnya membuat pemantauan dengan lebih kerap dan dimulakan dari awal, bukannya menunggu sehingga penghujung bulan Ramadan.

Katanya, pihaknya melalui biro pemantauan sering melakukan pemantauan tetapi tidak boleh berbuat apa-apa selain mengadukan perkara tersebut kepada KPDNKK.

"Setiap kali musim perayaan, pihak kementerian akan mengumumkan senarai harga untuk barang-barang kawalan yang perlu dipatuhi semua peniaga.

"Walaupun bagaimanapun, KPDNKK sepatutnya tidak menunggu sehingga pengumuman itu dilakukan sebaliknya turun padang lebih awal untuk mengelakkan peniaga menaikkan harga barang dengan sesuka hati," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Malaysia (Maconas), Datuk Amarjit Singh Gill berkata, KPDNKK perlu mengeluarkan amaran tegas kepada peniaga yang tidak mematuhi harga yang telah ditetapkan.

Katanya, pengguna telah terbeban dengan keadaan ekonomi masa kini dan tidak seharusnya dibebani lagi dengan kenaikan harga barang yang tidak terkawal.

"Penguatkuasaan yang kerap perlu dilakukan dan diambil tindakan segera. Saya percaya hukuman sedia ada seperti denda itu sudah memadai.

"Walaupun begitu, sekiranya mereka (peniaga) tetap degil,



KPDNKK sepatutnya tidak menunggu sehingga pengumuman itu dilakukan sebaliknya turun padang lebih awal untuk mengelakkan peniaga menaikkan harga barang dengan sesuka hati."

MOHD. FIRDAUS ABDULLAH
Presiden Persatuan Perlindungan Pengguna Malaysia (PPPM)

KPDNKK perlu mengenakan hukuman yang lebih berat terutamanya kepada peniaga yang melakukan kesalahan berulang," katanya.

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, semua pihak perlu memainkan peranan dalam menangani isu tersebut kerana kenaikan harga barang sudah menjadi kebiasaan apabila tiba-banya musim perayaan.

"Kita perlu mendidik peniaga dan juga para pengguna supaya faham tentang tanggungjawab masing-masing seterusnya mengelakkan perkara ini berulang," katanya.